

20/10/2003

Satu pengajaran untuk bangsa Melayu

Dr Azam Rauzan

DEGUPAN jantung penulis semakin laju sepanjang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucapannya kepada ketua-ketua negara Islam pada Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Khamis lalu.

Itu sekadar mengikutinya menerusi siaran langsung di kaca televisyen. Apalah agak rasanya kalau berpeluang mengikuti ucapan Perdana Menteri itu secara berdepan di dewan persidangan berkenaan.

Apa yang jelas dapat dilihat menerusi kaca televisyen, pemimpin negara Islam yang hadir, kelihatan tunduk dan khusyuk, mendengar ucapan yang berapi dan menyengat itu.

Apa saja gelodak dalam jiwa mereka ketika itu, entahkan sedar, setuju atau sesal, mereka sendirilah yang tahu. Latarnya sejarah dunia, tetapi mesejnya jelas. Dr Mahathir 'mengajar' dunia bagaimana hendak mentadbir dan menangani ummah.

Semua Pak Arab itu, diajak berhenti sejenak untuk berfikir, merenung kembali liku liku umat Islam seluruh dunia, dan kemudian baru bertindak dalam menangani masalah dan kemelut di hadapan mereka.

Pernahkah kita menduga atau siapakah mampu menjangka, yang suatu hari, seperti pada Sidang Kemuncak OIC itu, pemimpin berkulit sawo matang, seorang Melayu, memberi tunjuk ajar kepada dunia Islam dan dapat menyentak tumpuan masyarakat antarabangsa.

Kekuatan yang menjadikan Dr Mahathir popular dan dihormati oleh segenap pemimpin dunia adalah keberaniannya untuk memperkatakan yang benar dan yang hak. Kelantangan yang bukan retorik atau bermuka-muka, tetapi teguh dalam pendirian dan disertai tindakan. Ini adalah satu budaya yang perlu dihayati oleh segenap rakyat Malaysia terutama orang Melayu dalam menghadapi cabaran dan kehidupan seharian.

Kalau dihalusi, kita teliti tanpa sebarang prejudis, berdirinya pemimpin Malaysia selaku Pengerusi OIC dan juga Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), adalah tanda bangsa Melayu sedang menuju ke kemuncak ketamadunannya.

Tetapi cukupkah dengan keberanian seorang bernama Mahathir untuk menandakan kebangkitan tamadun Melayu itu?

Apa pula peranan kita? Memadaikah sekadar berbangga dengan keberanian Dr Mahathir, memujinya atau hanya berkata kita berdiri teguh di belakangnya?

Pemimpin parti pembangkang, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, baru-baru ini, dalam kenyataannya kepada media, mengakui Dr Mahathir telah menaikkan imej Malaysia di kaca mata negara Islam.

Nah apa lagi kalau dah diakui (sebelum ini pun, seingat penulis bukan sekali tetapi beberapa kali beberapa pemimpin parti pembangkang memuji kehebatan Mahathir), kenapa tidak henti-henti, tidak penat-penat menghentam beliau dan kerajaan serta parti pimpinannya. Marilah sama-sama kita berganding bahu untuk memartabatkan lagi maruah agama dan bangsa kita.

Tidak terfikir atau teringinkah kita untuk menidakkan tanggapan negatif terhadap bangsa Melayu sebelum ini.

Penulis ingin memetik beberapa petikan daripada buku Revolusi mental tulisan Senu Abdul Rahman pada 1971, mengenai pandangan pakar sosiologi sejarah terhadap sikap orang Melayu ketika sebelum merdeka.

Tome Pires, yang ada bersama-sama ketika Portugis menakluk Melaka pada 1511 mengatakan: "Orang-orang Melayu itu malas, mundur, suka pada kesukaan, hiburan, romance, berlaga ayam, tak boleh dipercayai, putar

belit, selalu mengamuk dan cemburu."

Pentadbir Inggeris seperti Francis Light, William E. Maxwell dan R.J. Wilkinson dan lain-lain pula secara kesimpulan mengatakan "orang Melayu adalah satu bangsa yang malas, tidak suka mengumpul harta dan bersikap menerima saja. Mereka tidak khawatir, tidak mahu jadi kaya dan selalu berpuas hati dengan apa yang ada."

Walaupun ada juga mereka (pentadbir Inggeris) memuji beberapa sikap orang Melayu seperti mempunyai perasaan harga diri, sifat jenaka yang tajam dan baik hati, ia tidak cukup untuk menjadi modal untuk mencapai kemajuan.

Orang Melayu yang ada harga diri dan mempunyai perasaan malu jika diperlekehkan, harus menyahut nada dan cemuhan ini sebagai satu cabaran. Inilah yang telah dibuktikan oleh Dr Mahathir.

Penulis bukan mahu menafikan, jauh sekali ingin menidakkan bahawa orang Melayu sudah banyak berubah sejak negara kita merdeka.

Orang Melayu sudah berjaya meneroka pasaran antarabangsa, mencapai kejayaan dalam kajian saintifik, merentasi selat dan samudera, mencipta rekaan baru, mengeluarkan produk berkualiti, berfikiran terbuka serta kini dah pun merancang untuk menghantar angkasawan ke bulan.

Cuma kadang kala masih ada dalam bab dan hal tertentu, orang Melayu masih dibelenggu perangai buruk mereka. Lebih-lebih lagi apabila berlaku pertembungan di antara dua generasi - tua dan muda, atau orang lama dan orang baru.

Tidak semestinya yang lebih dulu makan garam itu lebih matang perbuatannya atau tidak benar semuanya yang berusia setahun jagung itu, mentah pemikirannya.

Begitu jugalah sebaliknya. Tidak semestinya orang lama dan veteran itu tidak dinamik lagi tindakannya manakala semua yang muda pula bertenaga dan mantap langkahnya.

Semuanya dianugerahkan Allah akal dan fikiran. Bergantunglah kepada kekuatan daya fikir dan kebijaksanaan serta kejujuran dan keikhlasan masing-masing.

Sebab itu, apabila Dr Mahathir meluahkan isi hatinya dengan mengatakan bahawa pemimpin veteran dalam Barisan Nasional (BN) patut memberi peluang kepada muka baru dalam pilihan raya akan datang, - yang lama jangan gelisah dan melatah, yang muda pula jangan cepat berasa gah.

Mereka yang sudah lama berpeluang berkhidmat mahupun yang berada di ambang kesempatan itu, wajar jujur menilai keupayaan diri dengan mengutamakan kepentingan ramai daripada keinginan peribadi.

Penulis tertarik dengan ulasan Tan Sri Mohamed Rahmat selaku Setiausaha BN, yang secara kebetulan adalah seorang pemimpin veteran, apabila beliau mengatakan: "Kehilangan Terengganu kepada Pas pada pilihan raya 1999 yang antaranya disebabkan pemimpin veteran enggan memberi laluan kepada muka baru. Oleh itu, kali ini, BN kena realistik, kalau orang itu (wakil rakyat veteran) mengerti perasaan orang bawah, mereka akan memberi laluan kepada muka-muka baru. Sebelum parti rosak, kalau nak undur, undurlah secara terhormat."

Sebenarnya sentiasa berlaku penampilan muka baru setiap kali ada pilihan raya umum. Begitu juga berlaku pengunduran orang lama secara sukarela mahupun atas sebab tertentu sama ada soal kesihatan, mahu menumpukan bidang lain, atau isu tertentu di kawasan masing-masing.

Itu sudah menjadi amalan dan lumrah BN dalam setiap pilihan raya. Kali ini, pastinya ia tidak terkecuali. Cuma bagaimana formula itu dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan bagi menjamin kemenangan lebih besar.

Itulah matlamat BN untuk meneruskan kesinambungan perjuangan membela rakyat yang sepatutnya menjadi pegangan dan pendirian setiap orang.

Amatlah malang jika hal-hal remeh menjadi penghalang kepada pelaksanaan formula itu. Barangkali kita biasa dengar mereka yang tidak terpilih sebagai calon merajuk, ugut mengugut dan melancarkan sabotaj, manakala yang digugurkan merayu, menangis dan akhirnya dikekalkan.

Tidak keterlaluan kalau kita katakan hal-hal ini turut menyebabkan BN kehilangan dua negeri di Pantai Timur dan tewas dalam beberapa pilihan raya kecil, selepasnya. Hal-hal ini juga menyebabkan BN tidak dapat menguji atau mengukur keupayaan pelapisnya.

Ketika ini, Malaysia berada di kemuncak kejayaannya. Imej Umno selaku "Brainchild" BN juga dalam keadaan yang paling mantap sejak ditubuhkan.

Suasana iklim yang kondusif ini tentulah amat sesuai sekali jika dipulangkan semula hak dan mandat kepada rakyat untuk memberikan nafas baru kepada BN untuk terus memakmurkan kesejahteraan rakyat Malaysia yang tercinta ke era kecemerlangan.